# JAWAPAN

## PELAJARAN 14 Akidah Islam

1. (a) Bahasa: Ikatan atau simpulan
   (b) Istilah: Keyakinan dan keimanan yang mantap terhadap rukun iman dan perkara-perkara ghaib

2. (a) Al-Quran
   (b) Hadis

3.

| Aspek | Akidah yang benar | Akidah yang salah |
|---|---|---|
| (a) Kepercayaan | Percaya terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah SWT | Menafikan keesaan dan kekuasaan Allah SWT |
| (b) Sumber | Mengamalkan kepercayaan berlandaskan al-Quran dan as-Sunah | Mengamalkan kepercayaan yang bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunah |
| (c) Amalan | Melakukan amalan, upacara dan adat istiadat yang selari dengan akidah Islam | Melakukan amalan, upacara dan adat istiadat yang bertentangan dengan akidah Islam |

4. (a) Membentuk jati diri sebagai muslim sejati
   (b) Syarat amalan diterima
   (c) Menjadi sebab dan tujuan manusia diciptakan di alam ini

5. (a) Islam agama fitrah:
   Kebenaran Islam terbukti menerusi sifatnya yang bersesuaian dengan fitrah manusia.
   (b) Sumber yang sahih:
   Kebenaran Islam terbukti dengan kebenaran al-Quran yang tetap terpelihara daripada penyelewengan sehingga hari kiamat.
   (c) Martabat Islam yang tinggi:
   Ketinggian Islam terbukti apabila agama ini mampu mengatasi ilmu dan kajian manusia.

6. Aktiviti murid

### POWER PT3

**Bahagian A**

1. A 2. D 3. D 4. B 5. A
6. D 7. D 8. A

**Bahagian C**

1. (a) (i) Benar
   (ii) Salah
   (iii) Benar
   (iv) Salah
   (b) (i) akidah
   (ii) benar
   (iii) ilmu
   (iv) petunjuk
   (c) Menjadi sebab dan tujuan manusia diciptakan di alam ini
   (d) Ilmu akidah perlu diperlajari bagi meningkatkan iman kepada Allah SWT dan mengelakkan diri dari ajaran sesat. Oleh itu, kita hendaklah rajin belajar ilmu akidah kerana terdapat banyak manfaat mempelajarinya.
   (e) (i) Melakukan amalan, upacara dan adat istiadat selari dengan akidah Islam.
   (ii) Negara kita akan menjadi huru hara kerana kumpulan ajaran sesat akan melakukan kekacauan untuk mempertahankan ajaran mereka. Hal ini akan menyebabkan pembunuhan boleh berlaku seterusnya sifat kemanusiaan terhakis. Kesimpulannya, kita hendaklah saling bekerjasama untuk membanteras ajaran sesat demi memelihara kesucian agama Islam.

### POWER KBAT

1. Saya akan melaksanakan ibadat wajib dengan sempurna disamping memperbanyak ibadat sunat sebagai tanda syukur terhadap nikmat yang tidak terhingga ini. Hal ini kerana nikmat iman dan Islam telah memberi kehidupan yang lengkap dan sempurna buat saya.

2. Saya akan mendalami ilmu akidah Islam dengan bersungguh-sungguh agar dapat membezakan ajaran yang betul dengan ajaran yang salah. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa memelihara akidah dengan melakukan amalan-amalan yang bertepatan dengan syariat Islam.

3. Keadaan tersebut berlaku kerana sesetengah amalan telah sebati dengan adat kehidupan masyarakat dan disangka selaras dengan ajaran agama Islam. Oleh yang demikian, kesedaran perlu dipupuk, iaitu dengan mendidik dan memberi kefahaman yang betul kepada mereka tentang perbuatan syirik dan khurafat tersebut. Kesimpulannya, agama Islam perlulah dipelajari agar dapat membezakan perkara yang betul dan salah.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.